



PEGAWAI penguat kuasa Pejabat Tanah dan Galian Pahang terpaksa menggunakan dua kenderaan pacuan empat roda untuk menghalang lori-lori membawa bauksit keluar dari kawasan perlombongan bauksit di Felda Bukit Goh, Kuantan, semalam. - BERNAMA

Kandungan aluminium, kromium tinggi boleh sebabkan kanser paru-paru

KUALA LUMPUR 7 Jan. - Pekerja di kawasan perlombongan serta penduduk yang berada di sepanjang laluan pengangkutan bauksit berisiko tinggi menghidap penyakit berkaitan pernafasan terutama kanser paru-paru serta alahan jika terdedah kepada bahan mineral itu dalam jangka masa lama.

Felo Penyelidik Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Shamshuddin Jusop berkata, ini berikutan kandungan kromium dan aluminium dalam debu bauksit yang begitu tinggi di kawasan tersebut.

Katanya, saiz zarah debu bauksit

yang begitu kecil iaitu di antara 2.5 mikron (PM 2.5) mampu meresap masuk ke dalam tisu paru-paru apabila memasuki badan manusia, sekali gus menyebabkan pelbagai penyakit untuk jangka masa panjang.

“Selain itu, golongan tersebut juga terdedah kepada pelbagai simptom lain seperti alahan dan kegagalan fungsi buah pinggang di samping penyakit Alzheimer, kesan daripada aktiviti tersebut,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Shamshuddin berkata, kesan perlombongan bauksit juga boleh menyebabkan

kesuburan tanah di kawasan tersebut terjejas dan tidak dapat dibangunkan untuk pertanian.

“Semasa proses perlombongan, mereka perlu menggali bauksit yang terletak pada kedalaman sehingga 100 meter dan akan menutup kembali kawasan yang telah digali. Walau bagaimanapun, ruang tanah tidak akan mampat seperti keadaan asal serta tidak cukup untuk menutup lubang tersebut.

“Akibatnya, ruang-ruang tersebut akan dibanjiri dengan air berlumpur kemerahan yang akan mengakibatkan tanah tidak subur dan tidak sesuai untuk aktiviti penanaman,” ujarnya.